



GP1

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

2018

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

GP1:GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH



Mac 2018

Disediakan Oleh

Bahagian Kawalan Pembangunan
Jabatan Perancangan Infrastruktur
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tingkat 15-16, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-26179000
Faks : 03-26918218

Cetakan Pertama 2018

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan Kerja Tanah (Pindaan 2017) ini disediakan bertujuan untuk menyera gamkan kehendak-kehendak DBKL di dalam memproses permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah.
- 1.2 Panduan kepada Jurutera Perunding yang dilantik oleh Pemaju untuk merekabentuk dan menyediakan Pelan Kerja Tanah serta menjadi panduan kepada kakitangan teknikal DBKL di dalam memproses dan meluluskan Pelan Kerja Tanah.
- 1.3 Garis panduan ini juga adalah untuk memperjelaskan maksud yang terkandung di dalam Akta Jalan , Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988.

2. SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan hendaklah dikemukakan oleh Jurutera Perunding melalui kaunter **Urusetia Pusat Setempat (OSC) DBKL**. (Sila rujuk senarai **semak permohonan - lampiran A**).
- 2.2 **3 set pelan** yang lengkap dan salinan softcopy dalam format **PDF & DWG (CD)** mengandungi Pelan Lokasi, Pelan Tapak, Pelan Pemotongan dan Penambakan, Pelan Keratan, Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak di tapak bina (ESCP), Pelan Cerucuk dan Tembok Penahan/Penstabilan Cerun dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan pelan kerjatanah hendak dikemukakan bersama permohonan.
- 2.3 Pelan Kerja Tanah yang dikemukakan hendaklah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:
 - a) Pelan Pemotongan/Penambakan Tanah (Cut/Fill)
 - b) Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP)
 - c) Pelan Tembok Penahan dan Pelan Penstabilan Cerun
 - d) Pelan Cerucuk atau Pelan Asas Tapak
- 2.4 Sesalinan surat dan pelan Perintah Pembangunan bagi permohonan A12, A14, A15 dan A24 (**MANDATORI UNTUK PERMOHONAN SELAIN A07 & A11**).
- 2.5 2 set Pelan Ukur Kejuruteraan yang disahkan oleh Jurukur Berlesen termasuk sebahagian lot-lot bersebelahan. (1 set softcopy dalam format PDF & DWG).

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

- 2.6 Permohonan hendaklah dikemukakan bersama senaskah laporan dalam bentuk dokumen bercetak dan cd "softcopy" (PDF) bagi perkara seperti berikut:
- Laporan siasatan tanah (soil investigation)
 - Penilaian Geoteknikal (Sekiranya terlibat)
 - Laporan Spesifikasi Kerja Tanah
 - Laporan Spesifikasi Kerja Cerucuk (Sekiranya terlibat)
 - Laporan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) lengkap dengan kiraan.
 - Tatacara Pelaksanaan Kerja (Method of Statement) yang menjelaskan cadangan pemeringkatan (Phasing) kerja tanah dari awal hingga akhir (bagi pembangunan di kawasan bukit dan cerun serta kawasan dengan keluasan melebihi 10 ekar)
 - Laporan Pemeriksa Terakreditasi (Sekiranya terlibat)
 - Laporan rekabentuk tembok penahan (Sekiranya terlibat)
 - Gambar tapak dari beberapa sudut dalam saiz A3 (Setiap sudut 4 pandangan)
 - Laporan Analisa Kestabilan Cerun bagi mana-mana kerja tanah yang melibatkan potongan dan penambakan tanah melebihi 3m tinggi atau dalam.
- 2.7 Laporan Geoteknikal (termasuk 'Terrain Mapping Dan Method Statement') perlu disediakan bagi kawasan:
- Cerun kelas 3 (25° ← cerun ← 35°) ke atas; atau
 - Besmen melebihi 2 tingkat atau 8 meter dalam;
 - Kawasan sensitif alam sekitar (contohnya bekas lombong).
- 2.8 Jurutera Perunding Bebas (Pemeriksa Terakreditasi) perlu dilantik bagi **perkara 2.7** untuk tujuan menyemak rekabentuk cadangan dari aspek-aspek geoteknikal yang disediakan oleh Jurutera Perunding (bagi pihak pemaju) bagi menjamin keselamatan pembangunan serta memantau kerja-kerja pembinaan semasa dijalankan. Kos Jurutera Perunding bebas ditanggung sepenuhnya oleh Pemaju.(sila rujuk senarai Pemeriksa Terakreditasi dari BEM).
- 2.9 Pembangunan kawasan bukit dan cerun hendaklah mematuhi syarat-syarat dan keperluan berdasarkan **Garis Panduan Pembangunan Kawasan Bukit dan Cerun Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (GPWPKL 2010)**.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

- 2.10 Permohonan yang terlibat dengan perkara 2.8 hendaklah mengemukakan pelan menunjukkan urutan peringkat kerja tanah (*construction sequence*) yang dicadangkan merangkumi pelan kawalan cerun sementara.
- 2.11 Kesemua pelan-pelan ini hendaklah mematuhi kehendak syarat teknikal yang dinyatakan pada para 3.0 dibawah termasuk menjelaskan yuran kerjatanah.
- 2.12 Borang JPIF 1, 3 dan 7 yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh Jurutera Perunding hendaklah disertakan semasa mengemukakan permohonan.(Rujuk lampiran B & C).
- 2.13 Selaku Jurutera Perunding bagi projek terlibat, beliau dikehendaki mengesahkan dalam pelan yang dikemukakan:
- I. The finished level of the proposed roads and platform levels are such that they will permit connection of roads to adjoining existing or future roads.*
 - II. No water ponding will occur as a result of the proposed earthworks*
 - III. No encroachment into the adjacent lot will occur.*
- 2.14 Cadangan kerja tanah yang melibatkan LLM / TNB / SYABAS / IWK / SPAD, kelulusan atau persetujuan daripada pihak tersebut hendaklah diperolehi oleh pihak Juruperunding.
- 2.15 Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada pemilik bersebelahan sekiranya kerja tanah melibatkan lot bersebelahan. Bukti kebenaran (salinan geran tanah dan surat kebenaran) tersebut hendaklah dikemukakan untuk makluman Jabatan ini.
- 2.16 Perunding dikehendaki mengesahkan sama ada kerja-kerja cerucuk terlibat atau tidak. Sekiranya terlibat maka pelan yang menunjukkan lokasi cerucuk-cerucuk ditanam serta senaskah spesifikasi kerja-kerja cerucuk hendaklah dikemukakan.
- 2.17 Cadangan penggunaan 'Drop Hammer' dan sistem cerucuk yang mendatangkan kacau ganggu kepada persekitaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.18 Semua cadangan struktur cerucuk yang dikemukakan ke Jabatan ini seperti tetopi cerucuk dan sebagainya adalah sebagai makluman dan rekod Jabatan ini sahaja. Tuan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kekukuhan dan keselamatan strukturnya.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

- 2.19 Perunding dikehendaki mengemukakan pelan dan laporan "Engineering Geological Mapping" (EGM) setelah kerja - kerja peletupan/pemecahan batu (rock blasting atau rock cutting) dijalankan sekiranya terlibat.
- 2.20 Kerja-kerja tanah yang melibatkan kerja-kerja peletupan batu hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dan permit letupan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- 2.21 Kerja-kerja peletupan batu yang dijalankan hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan oleh pihak JMG serta memaklumkan jadual pelaksanaan kepada Jabatan ini.
- 2.22 Jurutera Perunding hendaklah mengemukakan laporan bergambar kawalan tapak kerja tanah setiap bulan sehingga tamat kerja tanah dilaksanakan merangkumi aspek kawalan dan tindakan yang telah dilaksanakan di tapak bertujuan memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut pelan kerja tanah yang telah diluluskan. Rujuk lampiran I (format laporan tapak)
- 2.23 Semua Pelan dan Dokumen yang dikemukakan hendaklah disahkan dengan pengesahan seperti berikut :


' I hereby certify that these works have been designed by me accordance with sound engineering practice and that I take full responsibility for design, and proper performance of the same'

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3. SYARAT-SYARAT TEKNIKAL PELAN KERJA TANAH

3.1 PELAN PEMOTONGAN/PENAMBAKAN TANAH (CUT/FILL)

3.1.1 PELAN SUSUN ATUR PEMOTONGAN/PENAMBAKAN TANAH (LAYOUT PLAN)



- a) Pelan lokasi hendaklah ditunjukkan dengan jelas termasuk nama-nama jalan yang berhampiran dengannya.
- b) Skala bagi pelan tapak adalah samada 1:250 / 1:500 / 1:750 / 1: 1000 sahaja.
- c) Sempadan baru dan lama serta kawasan serahan jalan/parit hendaklah ditunjukkan.
- d) Kesemua gambarajah hendaklah diwarnakan, bahagian potongan (merah) dan timbusan (biru) didalam pelan tapak dan gambarajah keratan rentas.
- e) Maklumat yang perlu dinyatakan di dalam pelan :-
 - i. Jumlah isipadu potongan / timbusan bagi kerja tanah.
 - ii. Setiap kecerunan bagi jalan-jalan yang dicadangkan (maksima adalah 1:10).


GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

- f) Maklumat isipadu pemotongan/penambakan tanah hendaklah ditunjukkan seperti jadual dibawah:

| | |
|-----------------------------------|--|
| CUT (m ³) | |
| FILL (m ³) | |
| NETT CUT / FILL (m ³) | |
| ROCK CUTTING (Jika Terlibat) | |

- g) Keratan rentas hendaklah ditunjukkan di atas pelan (minima 2 melintang dan 2 menegak) bagi projek berskala sederhana dan (minima 4 melintang dan 4 menegak) bagi projek berskala besar.

3.1.2 PELAN KERATAN RENTAS PEMOTONGAN/ PENAMBAKAN (CUT/FILL)







- a) Aras laras hendaklah ditunjukkan dengan jelas bagi lot-lot bersebelahan didalam setiap pelan tapak dan pelan keratan rentas.
- b) Cerun tidak dibenarkan untuk berada dalam rezab jalan (termasuk laluan masuk) bagi jalan yang akan diserahkan kepada DBKL. Tunjukkan dengan jelas sempadan rezab jalan dalam setiap gambarajah keratan rentas.
- c) Kecerunan maksima yang dibenarkan untuk cerun potongan ialah 1:1.5 dan untuk cerun timbusan ialah 1:2. Kesemua cerun hendaklah ditanamkan rumput dari jenis 'closed turfing' dengan serta merta.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

- d) Kiraan bagi *'Slope Stability Analysis'* hendaklah dikemukakan bagi sebarang kerja-kerja korekan / tambakan yang melebihi 3m tinggi atau dalam.
- e) 'Berms' selebar 1.5m hendaklah disediakan bagi setiap ketinggian 4.5m dan disediakan dengan 'Cut-off V-drains'.
- f) 'Temporary Ground Anchor' tidak dibenarkan memasuki lot bersebelahan atau Rezab Jalan.

3.1.3 PELAN BUTIRAN PEMOTONGAN/PENAMBAKAN TANAH


- a) Skala bagi butiran adalah samada 1:10 / 1:20 / 1:30 / 1:40 / 1:50 sahaja
- b) Pelan tipikal berkaitan pemotongan dan penambakan tanah
- c) Pelan tipikal yang menunjukkan kerja-kerja tanah yang dijalankan secara berperingkat (bagi projek yang melibatkan kawasan bercerun dan keluasan melebihi 10 ekar)



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3.2 PELAN KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK (ESCP)



3.2.1 PELAN SUSUN ATUR KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK (ESCP LAYOUT PLAN)




- a) Pelan lokasi hendaklah ditunjukkan dengan jelas termasuk nama-nama jalan yang berhampiran dengannya.
- b) Skala bagi pelan tapak adalah samada 1:250 / 1:500 / 1:750 / 1: 1000 sahaja.
- c) Sempadan baru dan lama serta kawasan serahan jalan/parit hendaklah ditunjukkan.
- d) Tunjukkan dengan jelas tapak cadangan perangkap kelodak (sediment trap/sediment basin).
- e) Tunjukkan dengan jelas cadangan jalan keluar/masuk "temporary interlocking paver".
- f) Aras platform (PL) dan aras jalan (RL) hendaklah ditunjukkan dengan jelas.
- g) Tandakan cadangan longkang tanah (earthdrain) lengkap dengan arah larian air (flow direction), Check Dam, Filter Material, earthbund dan lain-lain.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3.2.2 PELAN PERANGKAP KELODAK (SEDIMENT TRAP/BASIN)



- a) Rekabentuk perangkap kelodak yang dicadangkan hendaklah merujuk kepada Manual Saliran Mesra Alam edisi kedua (MSMA2).
- b) Basin Base Level hendaklah ditunjukkan dengan jelas.
- c) "Settling Zone" hendaklah minima 0.6m dalam bagi mengumpul kelodak sehingga perangkap dibersihkan semula.
- d) Cerun tepi hendaklah tidak kurang daripada 2H:1V.
- e) Minima "freeboard" adalah 300mm dibawah alur limpah (spillway).



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

- f) Butiran rekabentuk dan ukuran hendaklah ditunjukkan didalam jadual 1 dan 2 seperti dibawah:

Jadual 1

| SEDIMENT BASIN | DATA |
|-----------------------------------|------|
| TOP WIDTH (m) | |
| BOTTOM WIDTH (m) | |
| TOP LENGTH (m) | |
| BOTTOM LENGTH (m) | |
| SPILLWAY CREST WITDH ,B (m) | |
| HEIGHTS OF SPILLWAY, HP (m) | |
| BASIN SIDE SLOPE | |
| ALLOWABLE FREEBOARDS, F/B (m) | |
| BASIN TOP LEVEL (m) | |
| SPILLWAY TOP LEVEL (m) | |
| SPILLWAY INVERT LEVEL (m) | |
| TOP WATER LEVEL (m) | |
| TOP SETTLING ZONE WATER LEVEL (m) | |
| BASIN BASE LEVEL (m) | |
| SEDIMENT STORAGE ZONE HEIGHT (m) | |
| SEDIMENT SETTLING ZONE HEIGHT (m) | |

Jadual 2

| DESIGN CRITERIA | |
|---------------------------------------|--|
| SITE CATCHMENT AREA (Ha) | |
| SOIL TYPE | |
| SEDIMENT BASIN TYPE | |
| EARTHWORK CONSTRUCTION PERIOD | |
| MIN VOLUME REQUIRED (m ³) | |
| SURFACE AREA REQUIRED | |


- g) Semua butiran hendaklah ditunjukkan saiz dan ukuran.
- h) Pelan keratan dan pandangan atas hendaklah ditunjukkan.





GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3.2.3 PELAN BUTIRAN KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK (ESCP DETAIL PLAN)

- a) Butiran berkaitan "earth drain", "earth bund", "sand bag", "check dam", "silt fence", "filter material" dan lain-lain yang berkaitan hendaklah ditunjukkan.
- b) Butiran terperinci berkaitan "temporary interlocking paving blocks" hendaklah ditunjukkan dan permukaan 'Heavy-Duty Interlocking Concrete Pavers' sementara hendaklah dicadangkan di laluan hadapan tapak pembinaan dengan **minimum ukuran 15m panjang dengan premix ramp 4m dikiri dan kanannya.**
- c) Perangkap kelodak, 'Wash Trough' dan 'Sprinkler System' bagi membasuh tayar lori, longkang tanah (earth drain) sementara dan 'cut-off drains' hendaklah dicadangkan secukupnya supaya pengawalan tapak dapat diadakan dengan memuaskan sepanjang masa kerja-kerja tanah dijalankan. Butir-butir serta lokasi setiap binaan di tapak hendaklah dapat dirujuk dengan jelasnya.



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3.3 PELAN TEMBOK PENAHAN (RETAINING STRUCTURE) DAN KESTABILAN CERUN

3.3.1 PELAN SUSUN ATUR TEMBOK PENAHAN (LAYOUT PLAN)




- a) Sempadan baru dan lama serta kawasan serahan jalan/parit hendaklah ditunjukkan.
- b) Jajaran tembok penahan lengkap dengan ketinggian hendaklah ditunjukkan.
- c) Nyatakan kaedah tembok penahan dan kaedah penstabilan cerun yang dicadangkan seperti "RC Wall", "Keystone Wall", "Rubble Wall" dan lain-lain.
- d) Tunjukkan " Footing Reinforcement Schedule" dan nota bagi kerja-kerja konkrit.
- e) Nyatakan nota umum bagi cadangan tembok penahan dalam pelan.
- f) Ketinggian maksimum tembok penahan adalah 3.0m (bersebelahan /menghadap lot jiran / rezab jalan) yang terdedah.
- g) Bagi cadangan ketinggian tembok penahan yang melebihi 3.0m, tembok perlu dibina secara bertingkat (staggered) setiap 3.0m tinggi dengan anjakan sebanyak 1.0m. (bersebelahan /menghadap lot jiran / rezab jalan).
- h) Ketinggian maksimum 'Rubble Wall' adalah 1.5m (bersebelahan/menghadap lot jiran / rezab jalan) yang terdedah.
- i) Maklumat cadangan tembok penahan hendaklah dinyatakan didalam **Jadual 3** seperti dibawah:


| | |
|---|---------------------|
| Type Of Retaining Wall | |
| Maximum Height <i>Note : If height more than 3 m, the wall must be designed 'staggered'.</i> | |
| Drainage system | |
| Concrete Grade | |
| Facing Of Retaining Wall | |
| Maintenance Will Be Responsibility Of : | Ex : Property owner |

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3.3.2 PELAN BUTIRAN TEMBOK PENAHAN (DETAIL PLAN)




- Pelan Keratan Rentas Terperinci bagi cadangan tembok penahan termasuk cadangan aras ketinggian tembok penahan dibahagian atas (Top) dan aras bawah tembok penahan (toe).
- Nyatakan dan tunjukkan kaedah aliran air dibahagian belakang tembok penahan
- Nyatakan dimensi keseluruhan tinggi dan ketinggian tembok yang terdedah.
- Bagi tembok penahan yang mempunyai aras berbeza dan ketinggian berperingkat hendaklah ditunjukkan keratan rentas membujur (longitudinal section)
- Nyatakan "schedule of size & reinforcement of Retaining Wall" yang dicadangkan.



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3.4 PELAN KERJA-KERJA CERUCUK (PILING WORKS)

3.4.1 PELAN SUSUN ATUR KERJA CERUCUK




- a) Sempadan baru dan lama serta kawasan serahan jalan/parit hendaklah ditunjukkan.
- b) Nyatakan jenis asas tapak dan spesifikasi bahan yang digunakan.
- c) Tunjukkan lokasi cerucuk dan soil investigation boreholes.
- d) Nyatakan Nota kaedah kerja cerucuk yang dicadangkan (contoh : drilling, injection & cast in situ).
- e) Tunjukkan " Footing Reinforcement Schedule" dan nota bagi kerja-kerja konkrit
- f) Tunjukkan "General Notes For Proposed Piling".

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

3.4.2 PELAN BUTIRAN TERPERINCI KERJA CERUCUK

- a) Pelan Keratan Rentas bagi kerja-kerja cerucuk, "pile cap detail", "borepile section" dan lain-lain hendaklah ditunjukkan.
- b) Saiz, bentuk dan struktur terperinci bagi elemen cerucuk hendaklah ditunjukkan seperti di Jadual 4 dibawah :

| | |
|----------------------------------|--|
| Type Of Foundation | |
| Method Of Installation | |
| Pile Size | |
| Pile Capacity | |
| Estimated Pile Penetration Depth | |



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

4.0 YURAN KERJA TANAH

- 4.1 Yuran Kerja Tanah hendaklah dijelaskan sebelum Pelan Kerja Tanah boleh diluluskan. Kaedah perkiraan ini adalah berpandukan kaedah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, **Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988** dengan menggunakan **Borang JPIF 7 (Rujuk lampiran D)**
- 4.2 Yuran kerja tanah ini hendaklah dibayar dengan menggunakan Bank Deraf di atas nama **'Bendahari Bandaraya'**.

5.0 PENGECUALIAN KERJA TANAH

- 5.1 Pengecualian Kerja Tanah boleh dipertimbangkan berdasarkan ketetapan yang terkandung dalam Jadual Kedua (Undang-undang kecil 3) Kerjatanah Kecil, **Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988** selaras dengan **Borang JPIF 2. (Rujuk lampiran E & F)**
- 5.2 Borang JPIF 2 hendaklah dilengkapi dengan alasan pengecualian selaras dengan Jadual Kedua (undang-undang kecil 3) seperti dibawah:
 - a) Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi tiga meter.
 - b) Mengorek untuk menanam atau membantun pokok-pokok atau tiang-tiang sedalam tidak melebihi tiga meter.
 - c) Mengorek untuk pembinaan lurang dan memasang paip sedalam tidak melebihi tiga meter.
 - d) Mengorek untuk lubang asas tapak tidak melebihi tiga kali tiga meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi tiga meter ke dalam.
 - e) Mengorek untuk asas tapak yang tidak melebihi tiga meter ke dalam jikalau pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan di situ tidak ada bangunan di harta bersebelahan.
 - f) Mengorek dalam tapak tidak melebihi tiga meter ke dalam dan melebihi tiga meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

6.0 NOTIS MEMULAKAN KERJA TANAH

- 6.1 Notis Memulakan Kerjatanah hendaklah dikemukakan **4 hari** sebelum pemohon bercadang untuk memulakan kerjatanah ke Jabatan Perancangan Infrastruktur, dengan menggunakan **Borang B.**(Rujuk lampiran G)
- 6.2 Borang B (Notis Memulakan Kerja-Kerja Tanah) hendaklah dikemukakan bersama sesalinan **Kelulusan Permit Angkut Bahan** oleh Unit Permit, Jabatan Perancangan Infrastruktur.
- 6.3 Borang B (Notis Memulakan Kerja-Kerja Tanah) hendaklah dikemukakan berserta dengan jadual pelaksanaan kerja tanah.
- 6.4 Pihak Jurutera Perunding hendaklah dalam masa 7 hari selepas selesai kerja tanah itu memaklumkan secara bertulis bahawa kerja tanah telah selesai.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
*UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH
(WILYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988*

Borang B
*NOTIS MEMULAKAN KERJATANAH
(Undang-undang kecil 5(4))*

hb. . 200

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh empat hari dari tarikh notis ini diterima saya bercadang untuk memulakan keajatanah iaitu :

.....

.....

atas lot/Lot-lot.....

Seksyen/Mukim.....

Jalan.....

bagi.....

menurut pelan yang diluluskan No :

Bertarikh :

.....
Jurutera yang mengemukakan

Nama :

Profession :

Alamat :

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera Jurutera :

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

7.0 PERMOHONAN MENJALANKAN KERJA-KERJA SIASATAN TAPAK DAN UJIAN TANAH

- 7.1 Permohonan menjalankan kerja-kerja siasatan tapak dan ujian tanah hendaklah dikemukakan oleh pihak Jurutera Perunding secara bertulis ke jabatan ini dengan mengemukakan lengkap dokumen seperti berikut :
- a) Pelan tapak dan pelan layout siasatan tapak tanah hendak dilaksanakan lengkap dengan tandatangan pemilik tanah/jurutera perunding.
 - b) Jadual pelaksanaan kerja siasatan tapak dan ujian tanah.
- 7.2 Kebenaran menjalankan kerja-kerja siasatan tapak dan ujian tanah hanyalah bagi tempoh 3 bulan sahaja.
- 7.3 Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada pemilik bersebelahan sekiranya kerja ujian tanah melibatkan lot bersebelahan. Bukti kebenaran tersebut hendaklah dikemukakan untuk makluman jabatan ini.
- 7.4 Peralatan yang dibawa oleh pihak tuan ke tapak hendaklah dibawa keluar selepas tamat tempoh pelaksanaan kerja dan tapak tersebut hendaklah dibaik-pulih seperti keadaan asal.

8.0 PERMOHONAN KEBENARAN KERJA LEBIH MASA

- 8.1 Permohonan hendaklah dikemukakan oleh pihak Jurutera Perunding secara bertulis dan lengkap dengan jadual kerja yang akan dilaksanakan.
- 8.2 Kerja-kerja tanah dan substruktur yang dibenarkan adalah bagi tujuan kerja konkrit sahaja dan tidak melibatkan sebarang kerja-kerja cerucuk melainkan terdapat surat sokongan/pelepasan dari lot-lot bersebelahan sahaja.
- 8.3 Kerja-kerja pengeluaran tanah dari tapak bina adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat sokongan/pelepasan dari lot-lot bersebelahan. Kerja pengeluaran tanah hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat lanjutan tempoh masa operasi bagi permit angkut bahan.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

9.0 PENARIKAN DIRI/PERTUKARAN JURUTERA PERUNDING

- 9.1 Jika Jurutera Perunding yang dilantik menarik diri atau terdapat penukaran Jurutera Perunding, Kerja Tanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang lain dilantik untuk mengambilalih.
- 9.2 Jurutera Perunding hendaklah memaklumkan secara bersurat tentang penarikan diri dan jurutera perunding yang dilantik pula hendaklah mengemukakan borang JPIF 1 & 3 dan pelan-pelan bagi tujuan kelulusan semula.

10.0 LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN

- 10.1 Sekiranya kerjatanah tidak dapat diselesaikan dalam tempoh kelulusan (setahun), pihak Juruperunding hendaklah mengemukakan permohonan lanjutan Kelulusan Pelan Kerja Tanah melalui kaunter OSC dengan mengemukakan dokumen seperti berikut :
 - i) Satu Set Kelulusan Asal Pelan Kerja Tanah
 - ii) Bayaran fee 20% daripada jumlah yuran kerja tanah terdahulu dengan menggunakan Bank Deraf di atas nama 'Bendahari Bandaraya'.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN A - SENARAI SEMAK A1

Borang A1
(Pindaan 2018)

PUSAT SETEMPAT DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (OSC DBKL)

| SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH (OSC) | | TARIKH TERIMA PERMOHONAN |
|--|---|------------------------------|
| TAJUK PEMBANGUNAN (HURUF BESAR DAN JELAS) | | |
| | | NO. RUJUKAN OSC |
| PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH | | KEGUNAAN OSC DBKL |
| BAHAGIAN I : JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR (JPIF) | | |
| 1. | Surat Permohonan (Covering Letter). | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Laporan teknikal bersatu sesalinan 'softcopy' & 'hardcopy' dalam format 'words programme' | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Borang JPIF 1 & JPIF 3 telah dilengkapkan. | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Borang JPIF 7 (dahulunya KT 1) Kiraan yuran kerja tanah | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Senaskah salinan hardcopy dan salinan softcopy (CD) dalam format PDF Laporan Spesifikasi yang mematuhi piawaian kejuruteraan yang disahkan oleh Jurutera Perunding <ul style="list-style-type: none"> - Laporan Siasatan Tanah (S.I) - Laporan Penilaian Geoteknik/Analisa kestabilan cerunsekiranya tapak mempunyai cerun kelas 3 & 4 atau jika disyaratkan dalam Perintah Pembangunan (D.O) - Laporan Spesifikasi Kerja tanah - Laporan Spesifikasi Kerja cerucuk (jika terlibat) - Laporan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) lengkap dengan Kiraan - Laporan Kiraan Terperinci tembok penahan (jika terlibat) - Tatacara Periksaan Kerja (Method of Statement) yang menjelaskan cadangan pemingkaan phasing kerja tanah dari awal hingga akhir. - Laporan "Accredited Checker" selaras Garis Panduan Perancangan Pembangunan dikawasan Bukit dan Cerun Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010 sekiranya tapak mempunyai cerun kelas 3 & 4 atau jika disyaratkan dalam P.P. | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Gambar tapak dari beberapa sudut dalam saiz A3 (Setiap sudut 4 pandangan). | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Sesalinan Perintah Pembangunan berserta "D.O approved Plan" dan Kerja Tanah tanpa melibatkan kerja tanah tanpa pembangunan tidak mempunyai "D.O approved plan". (Bagi permohonan A12, A14, A15 dan A24) MANDATORI UNTUK PERMOHONAN SELAIN A07, A11 | <input type="checkbox"/> |

1 / 3

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

Borang A1
(Pindaan 2018)

PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH

KEGUNAAN
OSC DBKL

- | | | | |
|----|--------------------------|--|--------------------------|
| 7. | Pelan Kerja Tanah | | |
| | a. | 3 set pelan kerja tanah yang lengkap dan salinan softcopy dalam format PDF & DWG (CD) | |
| | | - Nama, tandatangan dan alamat pemilik/pemaju dan perunding | <input type="checkbox"/> |
| | | - Pelan Kunci, Pelan Lokasi & Pelan Susunatur Tapak (Terkini). | <input type="checkbox"/> |
| | | - Pelan Tapak menunjukkan korekan (merah)/timbunan (biru), aras sedia ada dan cadangan | <input type="checkbox"/> |
| | | - Pelan tapak yang menunjukkan sistem kawalan kelodak yang dicadangkan di tapak. | <input type="checkbox"/> |
| | | - Pelan Ukur menunjukkan "Terrain Mapping" diperlukan bagi tapak pembangunan yang mempunyai cerun kelas 3 & 4. | <input type="checkbox"/> |
| | b. | Pelan Terperinci : | |
| | i) | Keratan rentas menunjukkan korekan & timbunan (Warna selaras dengan Pelan Tapak). - Minima 2 keratan menegak dan 2 keratan memanjang | <input type="checkbox"/> |
| | ii) | Butir-butir terperinci (Perangkap kelodak / wash trough / temporary earth drain / interlocking paver dan lain-lain) - Tunjukkan lokasi setiap satu di atas Pelan Tapak | <input type="checkbox"/> |
| | iii) | Pelan Cerucuk (Jika terlibat) atau Pelan Asas Tapak - Pelan susunatur cerucuk (Nyatakan juga sistem menanam cerucuk) / asas tapak. - Pelan Butir-butir terperinci cerucuk / asas tapak. | <input type="checkbox"/> |
| | iv) | Pelan Tembok Penahan (Jika terlibat) - Pelan tapak (Kedudukan tembok penahan)& Pelan Butir-butir terperinci. | <input type="checkbox"/> |
| | v) | Pelan yang menerangkan lebih lanjut "Method Statement" (Jika perlu) -Pelan keratan rentas pemeringkatan "phasing" kerja tanah dari awal hingga akhir. | <input type="checkbox"/> |
| | c. | Semua dokumen dan pelan disahkan dengan pengesahan piawai kejuruteraan dan "Seal" Jurutera Professional berkenaan ditunjukkan di bawahnya: <i>'I hereby certify that these works have been designed by me in accordance with sound engineering practice and that I take full responsibility for the design, and proper performance of the same.'</i> | <input type="checkbox"/> |
| | d. | Pelan hendaklah dilipat dalam saiz A4 dan sediakan ruang kosong di sebelah atas kanan bersaiz 100mm x 100mm (4" x 4"). | <input type="checkbox"/> |
| | e. | 2 set Pelan Ukur Kejuruteraan yang disahkan oleh Jurukur Berlesen termasuk sebahagian lot-lot bersebelahan. (1 set softcopy dalam format PDF & DWG) | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN II : PELAN DAN PENENTUAN SERTA DOKUMEN TAMBAHAN (SEKIRANYA TERLIBAT) UNTUK MENDAPATKAN ULASAN TERHADAP PERMOHONAN INI

- | | | | |
|----|---|--|--------------------------|
| 1. | Jabatan Perancang Bandaraya (JPRB) | <ul style="list-style-type: none"> - 1 set Pelan Lokasi dan Pelan Tapak untuk ulasan JPRB. (Bagi menentukan pembangunan selaras dengan keperluan perancangan berkaitan sempadan, rezab serahan, tembok penahan, anjakan besmen dan anjakan bangunan) | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Jabatan Mineral dan Geosains | <ul style="list-style-type: none"> - 1 set Pelan Tapak dan Laporan Kaedah Peletupan secara terkawal yang disediakan oleh Jurutera Perlombongan Professional mengikut Garis Panduan kerja-Kerja Peletupan pembangunan JMG sekiranya melibatkan kerja-kerja peletupan batuan. | <input type="checkbox"/> |

2 / 3

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

Borang A1
(Pindaan 2018)

| DISEMAK OLEH | CATATAN |
|--------------------------|---------|
| (TANDATANGAN & CAP NAMA) | |
| TARIKH DISEMAK | |
| | |
| NO. RUJUKAN PELAN | |
| | |

3 / 3

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN B - BORANG JPIF 1

BORANG JPIF 1



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988**

MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PELAN – PELAN KEJURUTERAAN

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur.

Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan berikut:-

.....
.....

.....bagi pihak

(Nama pemunya/pemaju)

Bagi Tujuan Permohonan Kelulusan Pelan * Kerja Tanah / Jalan Perparitan / Masma

Lukisan No.

Kiraan-kiraan dan spesifikasi-spesifikasi adalah dikemukakan bersama-sama ini dalam tiga salinan.

Saya dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk rekabentuk-rekabentuk, spesifikasi-spesifikasi dan perjalanan kerja tersebut.

SIL JURUTERA PROFESSIONAL :

Tandatangan.....
Nama :
Profesion :
Alamat :
.....
Tarikh

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

BORANG JPIF 1



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur,

Saya/kami pemilik/pemaju projek yang tersebut di muka surat 1 dengan ini mengesahkan bahawa Jurutera Perunding/Arkitek tersebut dilantik untuk mengemukakan pelan-pelan bagi pihak saya/kami.

Saya/kami dengan ini berjanji seperti berikut :-

1. Nama dan alamat lengkap Jurutera Perunding/Akitek yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja-kerja akan dikemukakan kepada tuan kerja-kerja dimulakan di tapak.
2. Saya/kami mematuhi sepenuhnya kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Tanah (Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur) 1988.
3. Pegawai-pegawai dari Jabatan tuan berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja setor bahan-bahan binaan dan tapak di mana kerja tersebut dijalankan.
4. Saya/kami secara bersama-sama dan berasingan dengan Jurutera Perunding/Akitek bertanggungjawab ke atas kerosakan harta benda dan lain-lain akibat dari kerja pembinaan tersebut.

SIL JURUTERA PROFESSIONAL :

Tandatangan.....

Nama :

Profesion :

Alamat :

.....

.....

Tarikh

PERHATIAN

Pastikan penandatangan bagi pihak Pemilik/Jurutera Perunding/Arkitek di dalam borang ini adalah sama/selaras di atas pelan-pelan

JPIF 1 (Pindaan 2018)

Muka Surat 2/2

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN C - BORANG JPIF 3



BORANG JPIF 3



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988**

PENGESAHAN PERLANTIKAN PERMOHONAN PELAN – PELAN KEJURUTERAAN

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur.

Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah dilantik sebagai Jurutera Perunding/Arkitek yang bertanggungjawab bagi menyelia kerja – kerja pembinaan bagi projek yang dicadangkan berikut :-

.....
.....
.....
.....bagi pihak
(Nama pemunya/pemaju)

Bagi Tujuan Permohonan Kelulusan Pelan * Kerja Tanah / Jalan Perparitan / Masma

SIL JURUTERA PROFESSIONAL :

Tandatangan.....
Nama :
Profesion :
Alamat :
.....
Tarikh

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

BORANG JPIF 3



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur,

Saya/kami pemilik/pemaju projek tersebut di muka surat 1 mengesahkan bahawa Jurutera Perunding/Arkitek tersebut telah dilantik untuk bertanggungjawab bagi menyelia kerja – kerja pembinaan projek tersebut.

COP SYARIKAT :

Tandatangan.....

Nama :

Profesion :

Alamat :

.....

.....

Tarikh

PERHATIAN

Pastikan penandatangan bagi pihak Pemilik / Jurutera Perunding / Arkitek di dalam borang ini adalah sama / selaras di atas pelan-pelan

JPIF 3 (Pindaan 2018)

Muka Surat 2/2

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN D - BORANG JPIF 7



BORANG JPIF 7



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988

KIRAAN YURAN KERJA TANAH

Tajuk Projek :

.....

.....

.....

| 1. KERJA TANAH AM | | | 3. KIRAAN YURAN KERJA TANAH | | |
|---|--|-------------------|---|--|----|
| Keluasan tapak / lot | | Hektar | i) RM 50.00 untuk setiap 1/2 hektar atau setiap sebahagian daripadanya. | | |
| 2. KERJATANAH TERLIBAT | | | | | |
| a) Isipadu tanah korekan | | (m ³) | • Minima RM 50.00 untuk kurang dari 1/2 hektar. | | |
| b) Isipadu tanah timbusan | | (m ³) | • Setiap tambahan 1/2 hektar atau tambahan kurang dari 1/2 hektar = RM 50.00. | | |
| | | | _____ hektar x RM 100.00 = | | RM |
| | | | tambahan _____ hektar = | | RM |
| c) Jumlah isipadu tanah (a + b) | | (m ³) | Tambahan < 0.5 hektar = + RM 50.00 | | |
| Saya dengan ini bertanggungjawab dan mengesahkan bahawa segala butir-butir yang di berikan di sini adalah benar dan tidak diseleweng. | | | ii) 13 sen bagi setiap meterpadu tanah yang terlibat, dengan bayaran minima RM 50.00. | | |
| | | | _____ m ³ x RM 0.13 = | | RM |
| | | | (Rujukan kiraan di para 2 (c)) | | |
| | | | iii) RM 30.00 bagi setiap lawatan. | | |
| | | | _____ x RM 30.00 = | | RM |
| | | | (Rujukan jadual dimuka surat 2) | | |
| | | | JUMLAH YURAN (i) + (ii) + (iii) | | RM |

* Borang ini hendaklah diisi oleh Jurutera Perunding Profesional bagi cadangan pembangunan yang dinyatakan.
* 1 Hektar = 2.471 Ekar

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

BORANG JPIF 7



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988

JADUAL MENENTUKAN JUMLAH LAWATAN TAPAK YANG PERLU DILAKUKAN
DALAM MENENTUKAN YURAN KERJA TANAH

| KELUASAN TAPAK | ISIPADU KERJA TANAH TERLIBAT (METERPADU) | BILANGAN LAWATAN |
|----------------|--|------------------|
| BAWAH 1 HEKTAR | 0 SEHINGGA 10,000 | 4 KALI |
| | 10,001 SEHINGGA 20,000 | 5 KALI |
| | LEBIH DARI 20,000 | 6 KALI |
| ATAS 1 HEKTAR | TIADA HAD TERLIBAT | 6 KALI |

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN E - SENARAI SEMAK A2

Borang A2
(Pindaan 2018)

PUSAT SETEMPAT DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (OSC DBKL)

| | | |
|---|---|--------------------------|
| SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN PENGEMUKAAN PELAN KERJA TANAH | | TARIKH TERIMA PERMOHONAN |
| TAJUK PEMBANGUNAN (HURUF BESAR DAN JELAS) | | |
| | | NO. RUJUKAN OSC |
| | | |
| PERMOHONAN PENGECUALIAN PENGEMUKAAN PELAN KERJA TANAH | | KEGUNAAN OSC DBKL |
| BAHAGIAN I : JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR (JPIF) | | |
| 1. | Surat Permohonan (Covering Letter). | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Borang JPIF 1 & JPIF 3 telah diisi. | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Borang JPIF 2 (Perlu disahkan oleh Jurutera Perunding bahawa kerja cerucuk dan tembok penahan tidak teribat). - Alasan pengecualian hendaklah berdasarkan Undang-Undang Kecil 3 yang dilampirkan bersama Borang JPIF 2. | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Gambar tapak dari beberapa sudut dalam saiz A3 (Setiap sudut 4 pandangan). | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Satu salinan Perintah Pembangunan beserta "DO approved Plan" (Bagi permohonan A12, A14, A15 dan A24) MANDATORI UNTUK PERMOHONAN SELAIN A07, A11 | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Semakan Pelan | |
| | a. 1 set lengkap pelan termasuk pelan lokasi, pelan susunatur asas tapak, keratan rentas dan memanjang profil tanah serta keratan perincian asas tapak. | <input type="checkbox"/> |
| | b. Nama, tandatangan dan alamat pemilik/pemaju dan perunding. | <input type="checkbox"/> |
| | c. Pelan hendaklah dilipat dalam saiz A4 dan sediakan ruang kosong di sebelah atas kanan bersaiz 100mm x 100mm (4" x 4"). | <input type="checkbox"/> |
| DISEMAK OLEH | | CATATAN |
| (TANDATANGAN & CAP NAMA) | | |
| TARIKH DISEMAK | | |
| NO. RUJUKAN PELAN | | |

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN F - BORANG JPIF 2

BORANG JPIF 2



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988

PERAKUAN KERJA TANAH KECIL
(Butiran 4,5 atau 6 Muka Surat 2)

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur.

Saya/Kami dengan ini memohon pengecualian dari kehendak Undang – Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 bagi cadangan :-

.....
.....
.....

ialah kerja tanah bersifat kecil menurut Jadual Undang – Undang Kecil 3 (muka surat 2) Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988.

3. Saya difahamkan bahawa pengecualian dari kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 tidak akan melepaskan saya dari tanggungjawab ke atas mana-mana pihak untuk kerosakan yang disebabkan oleh kerja tanah tersebut.

4. Saya bersetuju juga mengantirugi dan terus mengantirugi Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerja tanah tersebut.

SIL JURUTERA PROFESSIONAL :

Tandatangan.....

Nama :

Alamat :

.....

.....

.....

Tarikh

JPIF 2 (Pindaan 2018)

Muka Surat 1/2

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

BORANG JPIF 2



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988
(Undang-Undang Kecil 3)

KERJA TANAH KECIL

1. Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi tiga meter.
2. Mengorek untuk menanam atau membantun pokok-pokok atau tiang-tiang sedalam tidak melebihi tiga meter.
3. Mengorek untuk pembinaan lurang dan memasang paip sedalam tidak melebihi tiga meter.
4. Mengorek untuk lubang asas tapak tidak melebihi tiga meter kali tiga meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi tiga meter ke dalam.
5. Mengorek untuk asas tapak yang tidak melebihi tiga meter ke dalam jikalau pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan di situ tidak ada bangunan di harta bersebelahan.
6. Mengorek dalam tapak tidak melebihi tiga meter ke dalam dan melebihi tiga meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.

JPIF 2 (Pindaan 2018)

Muka Surat 2/2

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN G - SENARAI SEMAK A4

Borang A4
(Pindaan 2018)

PUSAT SETEMPAT DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (OSC DBKL)

| | | |
|--|---|---------------------------------|
| SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI MENGEMUKAKAN BORANG B (NOTIS MEMULAKAN KERJA TANAH) (UNDANG-UNDANG KECIL 5(4)) | | TARIKH TERIMA PERMOHONAN |
| TAJUK PEMBANGUNAN (HURUF BESAR DAN JELAS) | | |
| | | NO. RUJUKAN OSC |
| | | |
| BAHAGIAN : JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR (JPIF) | | KEGUNAAN OSC DBKL |
| 1. | Surat Permohonan (Covering Letter). | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Borang B - NOTIS MEMULAKAN KERJA (Undang-Undang Kecil 5 (4)) | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Jadual pelaksanaan kerja tanah (termasuk kerja cerucuk, tembok penahan dan lain-lain yang berkaitan dengan kerja tanah) | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Salinan Surat Kelulusan Permit Angkut Bahan | <input type="checkbox"/> |
| DISEMAK OLEH | | CATATAN |
| | | |
| (TANDATANGAN & CAP NAMA) | | |
| TARIKH DISEMAK | | |
| | | |

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN H - BORANG B

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH
(WILYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988

Borang B

NOTIS MEMULAKAN KERJATANAH
(Undang-undang kecil 5(4))

Tarikh :

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh empat hari dari tarikh notis ini diterima saya bercadang untuk memulakan kerjatanah iaitu :

.....
.....
.....

atas lot/Lot-lot.....

Seksyen/Mukim.....

Jalan.....

bagi.....

menurut pelan yang diluluskan No :

Bertarikh :

.....
Jurutera yang mengemukakan
(Sil dan tandatangan)

Nama :

Profession :

Alamat :

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera Jurutera :

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH 2018

LAMPIRAN I - FORMAT LAPORAN TAPAK BULANAN

Laporan Tapak Kerja - Kerja Tanah Bulanan.

1. **Maklumat Projek Pembangunan.**
 - 1.1 Nama Projek :
 - 1.2 Pemaju :
 - 1.3 Perunding :
 - 1.4 Tarikh Kelulusan Perintah Pembangunan :
 - 1.5 Tarikh Kelulusan Kerja Tanah :
 - 1.6 Tarikh Mengemukakan Borang B :
 2. **Status kemajuan tapak bagi kerja - kerja tanah.**
 - 2.1 Status Kerja Tanah yang sedang dijalankan.
 - 2.2 Pelan menunjukkan fasa kerja tanah yang sedang dilaksanakan.
 - 2.3 Maklumat kemajuan tapak
 3. **Penyeliaan dan pemeriksaan tapak.**
 - 3.1 Penyeliaan dan Pemeriksaan tapak hendaklah merangkumi perkara - perkara berikut :-
Pemeriksaan -
 - 3.1.1 Temporary interlocking paver dan jalan keluar / masuk.
 - 3.1.2 Silt trap / sediment basin.
 - 3.1.3 Earth drain / check dam
 - 3.1.4 Wash Trough.
 - 3.2 Rekod penyelenggaraan.
 - 3.3 Tindakan terhadap pemaju / kontraktor yang telah diambil
 - 3.3.1 RFI
 - 3.3.2 NCR
 4. **Pemeriksaan terhadap kawalan hakisan dan kelodak ditapak.**
 - 4.1 Keadaan semasa ditapak
 - 4.2 Pelan menunjukkan fasa kerja yang sedang dilaksanakan.
 - 4.3 Tindakan Kawalan.
- Nota : Laporan yang disediakan hendaklah disertakan dengan :-**
- i. Maklumat bergambar sebelum, semasa dan selepas sebarang kerja / tindakan kawalan / keadaan ditapak.
 - ii. Maklumat sebarang NCR atau rekod - rekod bertulis berkaitan kawalan hakisan dan kelodak ditapak.



Jabatan Perancangan Infrastruktur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tingkat 15-16, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-26179000 Fax : 03-26918218
www.dbkl.gov.my